

SURAH HARTA RAMPASAN PERANG

Surah: 8 Juzuk: 9/10 Bil. Ayat: 75

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang harta rampasan perang. Katakanlah: «Harta rampasan perang itu milik Allah dan RasulNya⁽¹⁾. Maka, bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah hubungan sesama kamu. Taatilah perintah Allah dan RasulNya, jika kamu adalah orang yang beriman».
2. Sesungguhnya orang yang beriman itu ialah orang yang apabila disebut nama Allah⁽²⁾ gementarlah hati mereka. Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah iman mereka serta kepada Tuhan mereka jualah mereka bertawakal.
3. Mereka ialah orang yang mendirikan solat dan yang menafkahkan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka.
4. Mereka itulah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat beberapa darjat di sisi Tuhan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَسْتَعْفُونَكَ عَنِ الْأَنْفَالِ قُلْ أَلْأَنْفَالُ لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ
فَاتَّقُوا اللَّهَ وَاصْبِرُوا ذَاتَ بَيْنَ كُمْ
وَلَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَإِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿١﴾

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا دُكِرَ اللَّهُ
وَجِلتَ قُلُوبُهُمْ وَذَادَتِلِيتَ عَيْنَاهُمْ إِذْ تُهُدُ
زَادَتِهُمْ إِيمَانًا وَكَلَّ رَيْبُهُمْ يَتَوَكَّلُونَ

الَّذِينَ يُقْسِمُونَ الصَّالَوةَ وَمَارِزُ فَنَاهُمْ
يُنْفِقُونَ ﴿٢﴾

أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَّهُمْ دَرَجَتُ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

1 Pembahagian harta rampasan perang itu mengikut ketentuan Allah dan rasulNya.
2 Menyebut sifat-sifat yang mengagungkan dan memuliakan Allah.

mereka dan keampunan serta kurniaan yang mulia.

5. Sebagaimana Tuhanmu (wahai Muhammad) mengeluarkanmu dari rumahmu dengan kebenaran⁽¹⁾ namun sebahagian orang yang beriman itu tidak menyukainya.
6. Mereka berdebat denganmu tentang kebenaran (jihad) setelah nyata (kepada mereka kemenangan yang engkau janjikan) seolah-olah mereka dihalau kepada kematian, sedangkan mereka melihat (sebab-sebab kematian).
7. Dan ketika Allah menjanjikan kepada kamu salah satu daripada dua golongan untuk kamu (menghadapinya), sedangkan kamu menginginkan sekiranya angkatan yang tidak mempunyai senjatalah⁽²⁾ yang dijadikan untuk kamu (menghadapinya). Sedangkan Allah menghendaki untuk menetapkan yang benar (agama Islam) dengan kalimahNya agar dapat membinasakan kaum yang kafir seluruhnya.
8. Supaya Allah menetapkan kebenaran itu dan menghapuskan

كَمَا أَخْرَجَكُرَبَّكَ مِنْ بَيْتِكَ بِالْحَقِّ وَإِنْ فَرِيقًا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكَمْ يَهُونَ ﴿٥﴾

يُجَدِّلُونَكَ فِي الْحَقِّ بَعْدَ مَا تَبَيَّنَ كَمَا يُسَاقُونَ إِلَى الْمَوْتِ وَهُمْ يَتَظَرُّونَ ﴿٦﴾

وَإِذْ يَعْدُكُمُ اللَّهُ إِلَّا حَدَى الظَّاهِرَتِينَ أَنَّهَا لَكُمْ وَوَدُونَ أَنْ عَيْرَاتِ الشَّوَّكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُبَحِّثَ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيُفْطِعَ دَابِرَ الْكُفَّارِ ﴿٧﴾

لِيُبَحِّثَ الْحَقَّ وَيُبْطِلَ الْبَطَلَ وَلَوْكَرَةَ الْمُجْرُومُونَ ﴿٨﴾

- 1 Allah mengatur pembahagian harta rampasan perang dengan kebenaran, sebagaimana Allah menyuruh pergi dari rumah (di Madinah) untuk berjihad di perang Badar dengan kebenaran.
- 2 Kafilah Abu Sufyan yang membawa dagangan dari Syam. Sedangkan kelompok yang mempunyai kekuatan senjata adalah kelompok yang datang dari Makkah di bawah pimpinan ‘Utbah bin Rabi‘ah bersama Abu Jahal.

yang salah (kufur dan syirik) sekali pun orang yang berdosa itu (musyrik) tidak menyukainya.

9. (Ingartlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (dengan firmanNya): «Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan menghantar seribu (tentera) daripada malaikat yang datang berturut-turut».
10. Dan Allah tidak menjadikan (bantuan para malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira supaya hati kamu tenang dengannya. Kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
11. (Ingartlah) ketika kamu diselubungi rasa mengantuk sebagai satu (pemberian) ketenangan daripada Allah. Dia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk menyucikan dan menghapuskan gangguan syaitan daripada kamu untuk menguatkan hati serta meneguhkan telapak kaki kamu⁽¹⁾.
12. Ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: «Sesungguhnya Aku bersama kamu (memberi pertolongan), maka teguhkanlah (hati) orang

إِذْ تَسْتَعِنُونَ بِرَبِّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي
مُمْدُّكُمْ بِأَلْفِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ ٩

وَمَا جَعَلَ اللَّهُ إِلَّا بُشَرَى وَلَطَمِينَ يَهُه
قُلُوبُكُمْ وَمَا الظَّرُورُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ١٠

إِذْ يَعْصِيْكُمُ النُّعَاصِ أَمَّنْ هُوَ يُرِثُ
عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَا شَاءَ لِتُظْهِرُ كُمْ يَهُه
وَيُدْهِبَ عَنْكُمْ رَجُلُ الشَّيْطَانِ وَلِيَرِطَ عَلَى
قُلُوبِكُمْ وَيُثِّيْتَ يَهُه الْأَقْدَامَ ١١

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ
فَشَّيْعُوا الْلَّيْتَ أَمْنُوا سَائِقَيْ فِي قُلُوبِ
الَّذِينَ كَفَرُوا الْرُّعَبَ فَأَصْرِيْبُوْ فَوْقَ
الْأَعْنَاقِ وَأَصْبِرُوْ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانِ ١٢

1 Pendirian kamu di medan jihad.

yang beriman. Kelak Aku akan mengisi hati orang yang kafir dengan rasa gerun, maka pancunglah leher mereka dan tetaklah setiap anggota mereka⁽¹⁾».

- 13.** Itu kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan RasulNya dan sesiapa yang menentang Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Allah sangat dahsyat azabNya.
- 14.** Itulah (azab dunia) maka rasalah ia (wahai orang kafir). Sesungguhnya orang yang kafir disediakan baginya azab neraka.
- 15.** Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan orang kafir yang sedang mara menyerang, maka janganlah kamu berpaling daripada menentang mereka.
- 16.** Dan sesiapa berpaling daripada menentang mereka pada ketika itu, melainkan dia bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat) peperangan atau bergabung dengan pasukan yang lain, maka sesungguhnya dia tetap mendapat kemurkaan daripada Allah dan tempatnya ialah neraka Jahannam. Itulah seburuk-buruk tempat kembali.

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يُشَاقِقْ
الَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ^(١٣)

ذَلِكُمْ فَدُوْغُوهُ وَأَنَّ لِلْكَافِرِينَ
عَذَابٌ أَنْتَارٌ^(١٤)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا إِذَا لَقِيْتُمُ الظَّرِينَ
كَفُرُوا رَحْفَافًا لَا تُولُّهُمُ الْأَذْبَارَ^(١٥)

وَمَنْ يُؤْلِمُهُ يُؤْمِنُ دُبُرُهُ وَالْأَمْتَحَرَفَ لِقَاتَالٍ
أَوْ مُتَحَبِّرًا إِلَى فَعْلَةٍ فَقَدْ بَاءَ بِعَصَبٍ قَرْبَ
الَّهِ وَمَا وَلَهُ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ^(١٦)

1 Ini terjadi dalam peperangan, sasaran yang mematikan adalah leher. Tetapi apabila pihak lawan memakai baju besi sehingga sukar dikalahkan, maka tangannya yang dilumpuhkan, agar tidak dapat memegang senjata seperti pedang, tombak dan sebagainya sehingga mudah ditawan.

- 17.** Maka bukanlah kamu yang membunuh mereka tetapi Allah jualah yang membunuh mereka (dengan bantuan yang dihantar). Bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar tetapi Allah jualah yang melempar (dengan menjadikan lemparan itu tepat kepada musuh). Allah muh mengurniakan orang yang beriman dengan pengurniaan yang baik daripadaNya. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

- 18.** Itulah (nikmat yang dikurniakanNya kepada kamu) dan sesungguhnya Allah sentiasa melumpuhkan tipu daya orang kafir.

- 19.** Jika kamu (wahai orang musyrik) memohon supaya diberi kemenangan (bagi pihak yang benar) maka sesungguhnya kemenangan itu telah datang (dan disaksikan oleh) kamu. Jika kamu berhenti (daripada memusuhi Muhammad) maka yang demikian lebih baik bagi kamu. Akan tetapi jika kamu kembali (memusuhi), Kami juga kembali (menolongnya menewaskan kamu). Golongan (angkatan perang) kamu tidak sama sekali akan dapat menyelamatkan kamu sedikit

فَلَمْ يَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَاتَلَهُمْ وَمَا رَأَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَى وَلَيُبَلِّغَ الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَاءً حَسَدًا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

ذَلِكُمْ وَإِنَّ اللَّهَ مُوْهِنُ كِيدَ الْكَافِرِينَ

إِن تَسْتَفْتِهِ حُوا فَقَدْ جَاءَهُ الْفَتْحُ
وَإِن تَتَمَهَّوْهُ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَإِن تَعُودُوا
نَعْدُ وَلَنْ تُفْتَنَنُّ عَنْكُمْ فَشَكِّمُ شَيْئًا وَلَا
كَثِيرًا وَأَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ

pun, sekali pun kamu lebih ramai. (Itu kerana) sesungguhnya Allah bersama orang yang beriman.

20. Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berpaling daripadanya sedangkan ketika itu kamu mendengar.
21. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang (kafir dan munafik) yang berkata: «Kami dengar⁽¹⁾» sebenarnya mereka tidak mendengar.
22. Sesungguhnya sejahat-jahat binatang (makhluk) yang melata⁽²⁾ di sisi Allah ialah orang yang pekak lagi bisu⁽³⁾ yang tidak mahu berfikir.
23. Sekiranya Allah mengetahui ada kebaikan pada mereka pasti Dia menjadikan mereka dapat mendengar. Jikalau Allah menjadikan mereka dapat mendengar sekalipun, pasti mereka berpaling dan tidak menerimanya.
24. Wahai orang yang beriman, sahutlah seruan Allah dan RasulNya apabila Dia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang memberi kehidupan⁽⁴⁾

1 Mereka mendengar, tetapi hati mereka mengingkarinya.

2 Makhluk yang bernyawa.

3 Manusia yang paling buruk di sisi Allah ialah yang tidak mahu mendengarkan, menuturkan dan memahami kebenaran.

4 Menyeru kamu berperang untuk meninggikan kalimat Allah yang dapat membinasakan =

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطْبِعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ
وَلَا تَوُلُّوْعَنَهُ وَأَنْتُمْ سَمَعُونَ ﴿٢﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ قَالُوا سَمِعْنَا وَهُمْ لَا
يَسْمَعُونَ ﴿٣﴾

*إِنَّ شَرَ الدُّوَّابَاتِ عِنْدَ اللَّهِ الْأَصْمَاءُ الْبَعْضُ
الَّذِينَ لَا يَقْنُونَ ﴿٤﴾

وَلَوْ عِلْمَ اللَّهُ فِيهِمْ خَيْرًا لَا سَمَعُوهُ وَلَوْ
أَسْمَعَهُمْ تَلَوْأَ وَهُمْ مُغَرِّضُونَ ﴿٥﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَسْتَحِيْبُوا لِلَّهِ
وَلِرَسُولِهِ إِذَا دَعَا كُلُّ لِمَاءٍ يُخْبِرُهُ فَأَعْلَمُوا
أَنَّ اللَّهَ يَحْوِلُ بَيْنَ الْمَرْءَ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ
إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٦﴾

kepada kamu. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya⁽¹⁾ dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan.

- 25.** Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Ketahuilah bahawa Allah sangat dahsyat azabNya.
- 26.** Dan ingatlah ketika kamu mempunyai bilangan yang sedikit serta tertindas di bumi, kamu takut orang akan menangkap dan melarikan kamu, maka Allah memberi kamu tempat bermastautin, lalu diperteguhkanNya kamu dengan pertolonganNya serta dikurniakanNya kepada kamu rezeki yang baik-baik, semoga kamu bersyukur.
- 27.** Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu ketika kamu mengetahui (salahnya).

= musuh serta menghidupkan Islam dan muslimin. Juga bererti menyeru kamu kepada iman, petunjuk, jihad dan segala yang ada hubungannya dengan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

1 Allah juga yang menguasai hati manusia.

وَأَنْقُوْفَتْنَاهَ لَا نُصِبَّنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا
مِنْ كُمْ حَاصَّةٍ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٦﴾

وَأَدَكُرُوا إِذْ أَنْتُ قَلِيلٌ مُسْتَضْعَفُونَ فِي
الْأَرْضِ تَحْتَ أَفُونَ أَنْ يَتَخَفَّفَ كُمُ النَّاسُ
فَأَوْلَكُمْ وَإِنَّكُمْ بِصَرِّهِ وَرَزَقَكُمْ مِنَ
الْأَطْبَىْتَ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ﴿٦﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَحْنُوْا إِلَّا هُوَ اللَّهُ وَالرَّسُولُ
وَلَا يَنْهُوْا مَمْنَاتِكُمْ وَلَنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

- 28.** Dan ketahuilah bahwa harta benda kamu serta anak-anak kamu itu hanyalah ujian dan sesungguhnya hanya di sisi Allah pahala yang besar.
- 29.** Wahai orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, pasti Dia menjadikan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dan salah lalu dapat menghapuskan kesalahan kamu serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Allah (sememangnya) mempunyai kurniaan yang besar.
- 30.** Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika orang musyrik (Makkah) melakukan tipu daya terhadapmu untuk menahan, membunuh atau mengusirmu. Mereka melakukan tipu daya, namun Allah menggagalkan tipu daya (mereka) kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya.
- 31.** Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami, mereka berkata: «Sesungguhnya kami telah mendengarnya. Jika kami kehendaki, pasti kami dapat mengucapkan (kata-kata) seperti (al-Quran) ini. (Al-Quran) ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang terdahulu».
- 32.** Dan (ingatlah) ketika mereka (kaum musyrikin Makkah) berkata: «Wahai Tuhan kami! Jika

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا آتَيْنَاكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ
فِتْنَةٌ وَّاَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَأْتُوْا إِنْ تَتَّقُوا اللَّهَ يَعْلَمُ
لَكُمْ فُرْقَانًا إِنَّمَا يُكَفِّرُ عَنْكُمْ سَيِّئَاتُكُمْ
وَيَعْفُرُ لَكُمْ وَاللَّهُ دُوَّلُ الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾

وَإِذْ يَمْكُرُونَ كَذَّالِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْتَشِرُوكَ
أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْجِلُوكَ وَيَكْرُونَ
وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكَرِينَ ﴿٣٠﴾

وَإِذَا تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ مِّا يَكْسِبُونَ قَوْفَدَ سَمِعُنَا
لَوْشَاءً لَّقَنَّا مِثْلَ هَذَا إِنْ هَذَا إِلَّا
أَسْطِرٌ لِّلْأَوْلَيْنَ ﴿٣١﴾

وَإِذَا قُلُولَ اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ هَذَا هُوَ الْحَقُّ
مِنْ عِنْدِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنْ

betul (al-Quran) itu ialah (kitab) yang benar dari sisiMu, maka hujanilah kami dengan batu dari langit atau datangkanlah kepada kami azab yang sangat pedih».

السَّمَاءُ أَوْ أَنَّنَا بِعَذَابِ الْيَمِينِ ﴿٢٦﴾

- 33.** Allah tidak sama sekali akan menyecka mereka ketika kamu (wahai Muhammad) ada di antara mereka dan Allah tidak akan menyecka mereka selagi mereka beristighfar (meminta ampun).

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَعْذِبَهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ وَمَا
كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ

يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣٣﴾

- 34.** Mengapa mereka tidak patut diazab oleh Allah walaupun mereka menyecka (orang Islam) dari (memasuki) Masjidil Haram, sedangkan mereka bukanlah orang yang berhak menguasainya? Sebenarnya orang yang berhak menguasainya hanyalah orang yang bertaqwa tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.

وَمَا هُمْ أَلَا يَعْذِبُهُمُ اللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ
عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَا كَانُوا أَوْلَىٰ بِهِ
إِنْ أُولَئِكُو إِلَّا الْمُتَّقُونَ وَلَكِنَّ
أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

- 35.** Dan mereka tidak mendirikan solat di sisi Baitullah melainkan hanya bersiu-siu dan bertepuk tangan. Maka rasalah kamu azab Allah disebabkan kekufuran kamu.

وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِنْدَ الْبَيْتِ إِلَّا
مُكَاهَةٌ وَنَصْدِيَةٌ فَذُوقُوا الْعَذَابَ
بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٤٥﴾

- 36.** Sesungguhnya orang kafir yang selalu membelanjakan harta benda mereka untuk menghalangi (manusia) daripada jalan Allah, maka mereka tetap membelanjakannya. Kemudian (harta benda yang dibelanjakan) itu menyebabkan penyesalan kepada mereka, tambahan pula apabila mereka dikalahkan. Orang

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ
لِيَصُدُّوْا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ فَسَيُنْفِقُونَهَا
ثُمَّ تَكُونُ عَلَيْهِمْ حَسْرَةٌ شَمَّ يَضْلُّونَ
وَالَّذِينَ كَفَرُوا إِلَى جَهَنَّمَ
يُحْشَرُونَ ﴿٤٦﴾

kafir itu (akhirnya) dihimpunkan ke dalam neraka Jahannam.

- 37.** Kerana Allah hendak membezakan yang buruk (golongan yang kufur) daripada yang baik (golongan yang beriman), dan menjadikan yang jahat itu sebahagiannya bersatu dengan sebahagian yang lain, lalu Allah menimbunkan semuanya, serta memasukkan mereka ke dalam neraka Jahannam. Mereka itulah orang yang rugi.
- 38.** Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang yang kafir⁽¹⁾ itu, jika mereka berhenti (daripada kekufurannya), pasti akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu. Seandainya mereka kembali (kufur semula)⁽²⁾, sesungguhnya telah berlaku sunnah Allah (kebinasaan) terhadap orang terdahulu (yang kufur).
- 39.** Perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) jadilah agama itu seluruhnya semata-mata untuk Allah. Kemudian jika mereka berhenti⁽³⁾, sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang mereka lakukan.
- 40.** Dan jika mereka berpaling (enggan beriman dan tidak berhenti daripada menceroboh) maka ketahuilah bahwasanya

لِيَحِمِّلَ اللَّهُ الْخَيْرَ مِنَ الطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ
الْخَيْرَ بَعْصَهُ وَعَلَى بَعْضِ فِرَقِكُمْ
جَيْمِعًا فَيَجْعَلُهُ فِي جَهَنَّمَ أَوْ لَيْكَ هُمْ
الْخَسِيرُونَ

٣٧

فُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْنَرُ
لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ
سُنُّتُ الْأَوَّلِينَ

٤٨

وَقَاتُلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا يَكُونُوْنَ فِتَّانَهُ
وَيَكُوْنُ الَّذِينَ كُلُّهُمْ وَلَهُ فَإِنْ
أَنْتَ هُوَ فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

٤٩

وَلَمْ تَرَوْ أَفَعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَوْلَائُكُمْ
يَعْمَلُ الْمُؤْلَى وَيَعْمَلُ التَّصْبِيرُ

1 Abu Sufyan dan sahabat-sahabatnya.

2 Kembali memerangi nabi Muhammad s.a.w.

3 Daripada kekufurannya dan gangguannya terhadap orang Islam.

Allah Pelindung kamu. Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong.

41. Ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, RasulNya, kerabat (Rasulullah), anak-anak yatim, orang miskin, dan ibnus-sabil⁽¹⁾, jika kamu beriman kepada Allah dan apa yang telah diturunkan oleh Kami kepada hamba Kami (Muhammad) pada «Hari Al-Furqan⁽²⁾» iaitu hari pertemuan dua angkatan tentera. (Ingatlah Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

42. (Iaitu) ketika kamu berada di tepi lembah yang dekat (ke Madinah) dan mereka (musuh) berada di tepi lembah yang jauh (dari Madinah), sedang kafilah (pembawa dagangan musuh) berada di tempat yang rendah dari tempat kamu (di tepi laut). Sekiranya kamu berjanji (dengan mereka mengenai peperangan itu) pasti kamu akan berselisih pendapat pada menentukan harinya. Akan tetapi (pertemuan angkatan kamu dengan mereka yang tidak disangka-sangka itu) ialah supaya Allah melakukan

* وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ
حُمْسَةُ وَالرَّسُولُ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسَاكِينُ وَابْنُ السَّبِيلِ إِن كُُنْتُمْ
أَتَشْتُم بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ
الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقْيَىٰ الْجَمِيعَاتِ وَاللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

إِذَا نَتُمْ بِالْعُدُوْقِ الدُّنْيَا وَهُم بِالْعُدُوْقِ
الْفُصُوْلِ وَلَرَكَبُ أَسْفَلَ مِنْ كُمْ وَرَوْ
تَوَاعِدُهُمْ لَا خَتَّافُهُمْ فِي الْبَيْعِدِ وَلَكِنْ
لِيَقْضِيَ اللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا لِيَهُمْ
مَنْ هَلَكَ عَنْ بَيْنَةٍ وَمَحْيَى مَنْ حَيَ
عَنْ بَيْنَةٍ وَلَمْ يَأْتِ اللَّهُ لَسْمِيْغٌ عَلَيْمٌ ﴿٦﴾

1 Orang yang bermusafir kerana menuntut ilmu Allah.

2 Hari kemenangan orang Islam dan kekalahan orang kafir di medan perang Badar.

suatu perkara (kemenangan Islam) yang telah ditetapkan berlakunya, iaitu supaya orang (musyrik) yang binasa itu, akan binasa dengan bukti (yang membuktikan kesalahannya) dan supaya orang (Islam) yang hidup itu, akan hidup dengan bukti (yang membuktikan kebenarannya) kerana sesungguhnya Allah pasti Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

43. (Ingatlah wahai Muhammad) ketika Allah memperlihatkan kepadamu dalam mimpimu bilangan mereka yang sedikit dan jika Dia memperlihatkan kepadamu bilangan mereka yang ramai, pasti kamu akan merasa gerun dan pasti kamu akan berselisih pendapat dalam urusan (perang) itu. Akan tetapi Allah telah menyelamatkan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala (isi hati) yang ada di dalam dada.
44. Dan (ingatlah) ketika Kami memperlihatkan mereka kepada kamu (umat Islam) ketika kamu bertemu dengan mereka, sedikit bilangannya pada pandangan mata kamu dan kamu pula diperlihatkanNya sedikit bilangannya pada pandangan mata mereka kerana Allah hendak melakukan sesuatu perkara (kemenangan Islam) yang telah

إِذْ يُرِيكُمُ اللَّهُ فِي مَنَامِكُمْ قَلِيلًا وَأَكْثَرُ كَثِيرًا لِقَضَى اللَّهُ مَا شَاءَ وَلَتَنْزَعُمُ فِي الْأَمْرِ وَلَكِنَّ اللَّهَ سَآمِدٌ إِنَّهُ عَلَيْهِ مِنْ أَصْدُورٍ ﴿٤٤﴾

وَإِذْ يُرِيكُمُوهُمْ إِذَا تَقَيَّمُوا فِي أَعْيُنِكُمْ قَلِيلًا وَيُقْلِلُكُمْ فِي أَعْيُنِهِمْ لِيَقْضِي اللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولًا وَإِنَّ اللَّهَ تُرْجَعُ الْأَمْوَالَ

ditetapkan berlakunya. (Ingatlah) kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan.

45. Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan satu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu teguh menghadapinya dan sebutlah serta ingatlah Allah dengan banyak⁽¹⁾, semoga kamu berjaya (mencapai kemenangan).
46. Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya serta janganlah kamu berselisih pendapat. Kalau tidak, kamu pasti gagal dan hilang seluruh kekuatan. Dengan itu bersabarlah, sesungguhnya Allah bersama orang yang sabar.
47. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang keluar dari negerinya dengan berlagak sombang dan menunjuk-nunjuk (kekuatan mereka) kepada orang ramai (kerana hendak dipuji) serta mereka pula menghalang manusia dari jalan Allah. (Ingatlah) Allah Maha Meliputi pengetahuanNya dengan apa yang mereka lakukan.
48. Dan (ingatlah) ketika syaitan memperhiaskan kepada mereka perbuatan mereka serta menghasut mereka dengan berkata: «Pada hari ini tidak ada sesiapa pun daripada kalangan manusia yang dapat menewaskan

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا إِذَا لَقَيْتُمُوْرَفَةً
فَأَنْبُوْرَادَكُمْ رُوْلَهَ كَثِيرًا
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

وَأَطْبِعُوا أَللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوْرَافَةً
فَتَفَشَّلُوا وَتَدْهَبَ رِمْكَهُ وَاصِرْقَهُ
إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٦﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَرِهِمْ
بَطَرًا وَرَثَاءَ النَّاسَ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ
اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٧﴾

وَلَدَرَنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ وَقَالَ
لَأَغَالِبَ لَكُمْ أُمُّوْمَدَهَ مِنَ النَّاسِ وَإِنِّي
جَارٌ لَكُمْ فَلَمَّا رَأَهُ بْنُ الْفَقَهَانَ
نَكَصَ عَلَى عَقْبَيْهِ وَقَالَ إِنِّي بَرِيَّتُ
مَنْ كَمْ إِنِّي أَرِدُ مَا لَا تَرُوتُ إِنِّي

¹ Memperbanyak zikir dan doa.

أَخَافُ اللَّهَ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٤٨﴾

kamu dan sesungguhnya aku adalah pelindung dan penolong kamu». Maka apabila kedua-dua puak (angkatan tentera Islam dan musyrik) masing-masing kelihatan (berhadapan), syaitan itu berundur ke belakang sambil berkata: «Aku berlepas diri daripada kamu kerana aku dapat melihat apa yang kamu tidak dapat melihatnya. Sesungguhnya aku takut kepada Allah dan Allah sangat dahsyat azabNya».

49. (Ingalah) ketika orang munafik dan orang yang ada penyakit (syak) dalam hatinya berkata: «Orang (Islam) itu telah diperdayakan oleh agama mereka». Dan (yang sebenarnya) sesiapa yang bertawakal kepada Allah, (maka Allah akan menolongnya untuk menewaskan musuh yang lebih besar bilangannya) kerana Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

50. Dan (sangat ngeri) kalau engkau melihat ketika malaikat mengambil nyawa orang kafir dengan memukul muka dan belakang mereka (sambil berkata): «Rasakanlah kamu azab neraka yang membakar».

51. (Azab) yang demikian itu ialah disebabkan apa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri kerana sesungguhnya Allah tidak sama sekali

إِذْ يَقُولُ الْمُنَفِّقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُوُّبِهِمْ
مَرَضٌ غَرَّهُوا لَهُ دِيْنُهُمْ وَمَن يَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٥٤﴾

وَلَوْ تَرَى إِذْ يَتَوَفَّ الَّذِينَ كَفَرُوا
الْمُتَكَبِّرُونَ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ
وَأَدْبَرَهُمْ وَدُوْقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿٥٥﴾

ذَلِكَ بِمَا فَعَلْتُمْ أَيْدِيْكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ
لَيْسَ بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٥٦﴾

menzalimi hamba-hambaNya.

- 52.** (Keadaan orang kafir itu) samalah seperti Firaun dan kaumnya serta orang yang terdahulu daripada mereka. Mereka kufur terhadap ayat-ayat Allah, lalu Allah menyeksa mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi sangat dahsyat azabNya.

- 53.** Demikian itu ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Ingalah) sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

- 54.** (Keadaan mereka) samalah seperti Firaun dan kaumnya serta orang yang terdahulu daripada mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Tuhan mereka, lalu Kami membinasakan mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Kami juga telah menenggelamkan Firaun serta pengikut-pengikutnya (di laut) kerana semuanya adalah orang yang zalim.

- 55.** Sesungguhnya sejahat-jahat (makhluk) yang melata⁽¹⁾ di sisi Allah ialah orang yang kafir kerana mereka tidak (mahu)

كَذَابٌ إِلَى فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
كَفَرُوا بِيَقِيْنَاتِ اللَّهِ فَأَخْذَهُمُ اللَّهُ
يَدُوِّيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ فَيْ شَدِيدُ الْعِقَابِ

٥٣

ذَلِكَ يَأْنَ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ مُغَيْرًا لِتَعْمَةِ
أَعْمَمَهَا عَلَى قَوْمٍ حَتَّىٰ يَعْتَرُوا مَا يَأْنَفُسُهُمْ
وَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْهِ

٥٤

كَذَابٌ إِلَى فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
كَذَّابٌ يَأْبَىْتَ رَبَّهُمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ يَدُوِّيْهِمْ
وَأَغْرَقْنَاهُمْ إِلَى فِرْعَوْنَ وَكُلُّ كَاوْفٍ
ظَلِيمٍ

٥٥

إِنَّ شَرَّ الدُّوَّارِ عِنْدَ اللَّهِ الَّذِينَ كَفَرُوا
فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

٥٦

1 Makhluk yang bernyawa.

beriman.

56. (Iaitu) orang yang engkau telah mengikat perjanjian dengan mereka, kemudian mereka mencabuli perjanjian pada setiap kali, sedang mereka tidak mau memelihara dirinya (daripada keaiban mencabuli perjanjian itu).
57. Maka, jika engkau menemui mereka dalam peperangan, hancurkanlah mereka (supaya dengan itu) orang yang di belakang mereka (gerun). Semoga mereka mengambil peringatan.
58. Jika engkau bimbang adanya perbuatan khianat daripada sesuatu kaum, maka kembalikanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang khianat.
59. Dan janganlah orang yang kafir itu menyangka (bahawa) mereka telah terlepas (daripada kekuasaan dan balasan Kami). Sesungguhnya mereka tidak akan dapat melemahkan (kekuasaan Kami).
60. Sediakanlah untuk menentang mereka dengan semua jenis kekuatan yang termampu daripada pasukan berkuda yang diikat untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh selain

آلَّذِينَ عَاهَدْتَ مِنْهُمْ ثُمَّ يَنْقُضُونَ
عَهْدَهُمْ فِي كُلِّ مَرَّةٍ وَهُمْ لَا يَتَّقُونَ ٥٦

فَإِمَّا تَقْنَعُهُمْ فِي الْحُرْبِ فَشَرِّدْهُمْ مَنْ حَافَهُمْ
لَعَاهُمْ يَذَّكَّرُونَ ٥٧

وَإِمَّا لَخَافَّ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةً فَأَبْيَدْ إِلَيْهِمْ
عَلَى سَوَاءٍ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الظَّاهِرَيْنَ ٥٨

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سُبُّوا إِلَيْهِمْ
لَا يُعِزِّزُونَ ٥٩

وَأَعْدُوا لَهُمْ مَا أُسْتَطَعُهُ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ
رِّبَاطِ الْجِيلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوُّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَ
الَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ
الَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنَّمَا لَا تَظْلَمُونَ ٦٠

mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi.

61. Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
62. Dan jika mereka bertujuan hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah bagimu. Dialah yang menguatkanmu dengan pertolonganNya diikuti dengan (sokongan) orang yang beriman.
63. Dia menyatukan antara hati mereka (yang beriman)⁽¹⁾. Jika engkau menafkahkan segala (harta benda) yang ada di bumi, pasti engkau tidak dapat menyatukan hati mereka, tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
64. Wahai Nabi, cukuplah Allah menjadi Penolongmu begitu juga

*وَلَمْ يَرَوْهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ٦١

وَإِنْ يُرِيدُونَ يَخْدُعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللَّهُ هُوَ الَّذِي أَيَّدَكَ بِنَصْرٍ وَبِالْمُؤْمِنِينَ ٦٢

وَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْلَا نَفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ
جَعَلَمَاكَ الْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ
الَّهَ الَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٦٣

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ حَسْبُكَ اللَّهُ وَمِنْ أَنْتَمْ
الْمُؤْمِنِينَ ٦٤

⁽¹⁾ Penduduk Madinah yang terdiri daripada Aus dan Khazraj selalu bermusuh-musuhan sebelum nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah. Setelah nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah mereka memeluk Islam, permusuhan itu pun hilang.

pengikut-pengikutmu daripada kalangan orang yang beriman.

- 65.** Wahai Nabi, nyalakanlah semangat orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh orang yang sabar, pasti mereka dapat menewaskan dua ratus orang (daripada pihak musuh yang kafir itu). Manakala jika ada di antara kamu seratus orang, pasti mereka dapat menewaskan seribu orang daripada golongan yang kafir disebabkan mereka (yang kafir itu) orang yang tidak memahami⁽¹⁾.
- 66.** Sekarang Allah telah meringankan bagi kamu (apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana Dia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan. Maka jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, pasti mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang dan jika ada di antara kamu seribu orang, pasti mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. (Ingatlah) Allah bersama orang yang sabar.
- 67.** Tidaklah patut bagi seseorang nabi mempunyai orang tawanan sebelum dia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرَضَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ
الْفِتَالِ إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عَشْرُونَ صَابِرُونَ
يَعْلَمُوْ مَا تَيْمَنَ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ فَإِنَّهُ
يَعْلَمُوْ الْقَوْمَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ بِاَنَّهُمْ
قَوْمٌ لَا يَفْقَهُوْنَ ٦٥

أَفَنْ حَفََّ اللَّهُ عَنْكُوْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيْكُمْ
ضَعْفًا فَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ قَاتِلٌ صَابِرٌ يَعْلَمُوْ
مَا تَيْمَنَ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ أَلْفٌ يَعْلَمُوْ
أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِيْنَ ٦٦

مَا كَانَ لِتَيْمَنَ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَاسِرًا حَتَّىٰ
يُشْخَنَ فِي الْأَرْضِ ثُرِيدُوْنَ عَرَضَ الدُّنْيَا
وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٦٧

1 Mereka tidak memahami bahawa berperang itu adalah untuk membela keyakinan dan mentaati perintah Allah. Mereka berperang hanya untuk mempertahankan tradisi jahiliyah dan maksud-maksud dunia lainnya.

duniawi (yang tidak kekal), sedangkan Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. (Ingartlah), Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

68. Jika tidak kerana adanya ketetapan terdahulu daripada Allah, pasti kamu ditimpa azab yang besar kerana tebusan yang kamu ambil itu.
69. Maka makanlah daripada apa yang kamu telah dapat (dalam peperangan) itu sebagai sesuatu yang halal lagi baik, serta bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
70. Wahai Nabi, katakanlah kepada orang tawan yang ada di bawah kekuasaan kamu: «Jika Allah mengetahui ada kebaikan (iman) dalam hati kamu, pasti Dia akan memberi kepada kamu (balasan) yang lebih baik daripada (tebusan) yang telah diambil daripada kamu. Dia akan mengampunkan dosa kamu kerana Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
71. Dan jika mereka (orang tawan itu) bertujuan hendak melakukan khianat kepadamu, maka sesungguhnya mereka telah pun melakukan khianat kepada Allah (dengan kekufuran

لَوْلَا كَتَبْ مِنَ اللَّهِ وَسِيقَ مَسْكُونٌ فِيمَا أَخْذَ فُرْعَانٌ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٦٨﴾

فَكُلُوا مِمَّا أَعْنَمْ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ تَّحِيمٌ ﴿٦٩﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِمَنِ فِي أَيْدِيهِ كُمْ مِنَ الْأَسْرَى إِنْ يَعْلَمَ اللَّهَ فِي قُلُوبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتُكُمْ خَيْرًا مِمَّا أَخْذَ مِنْهُمْ وَيَعْفُرُ كُمْ وَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ تَّحِيمٌ ﴿٧٠﴾

وَإِنْ يُرِيدُوا خِيَانَتَكَ فَقَدْ حَانَوْ اللَّهَ مِنْ قَبْلٍ فَأَمْكَنَ مِنْهُمْ قُلْ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

mereka) sebelum itu, lalu Allah menjadikan (engkau) berkuasa terhadap mereka kerana Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

- 72.** Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang yang memberi tempat kediaman dan pertolongan⁽¹⁾ (kepada orang Islam yang berhijrah⁽²⁾ itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain⁽³⁾. Orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikit pun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Sekiranya mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian di antara kamu dengan mereka. (Ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.
- 73.** Dan orang yang kafir sebahagiannya menjadi

إِنَّ الَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا وَهُاجَرُوا وَجَهَدُوا
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ
أَوْفَوْا نَصْرَوْا فَلَيَكَ بَعْضُهُمْ أَوْ لَيْلَةً بَعْضٌ
وَالَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوا وَهُجِّرُوا مَا لَكُمْ مِّنْ وَالَّذِينَ
مِّنْ شَيْءٍ حَسَنَ يَهْجِرُوا وَإِنْ أَسْتَرْسُوهُ
فِي الْأَيْمَانِ فَقَاتَلَكُمُ الْنَّصْرُ إِلَّا عَلَى قَوْمٍ
بَيْنَكُمْ وَبِئْنَهُمْ مُّقْبَلٌ إِلَّا اللَّهُ بِمَا عَمَلُونَ

بَصِيرٌ

1 Orang Ansar.

2 Orang Muhibin.

3 Di antara Muhibin dan Ansar terjalin persaudaraan yang amat teguh untuk membentuk masyarakat yang baik. Demikian keteguhan dan keakraban persaudaraan mereka itu, sehingga pada permulaan Islam mereka waris-mewarisi seakan-akan mereka bersaudara kandung.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْ لَيْلَةً بَعْضٌ

penyokong dan pembela bagi sebahagian yang lain. Jika kamu (umat Islam) tidak melaksanakan (perintah Allah⁽¹⁾) itu, pasti akan berlaku fitnah (kekacauan) dan kerosakan yang besar di atas muka bumi.

- 74.** Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dan orang (Ansar⁽²⁾) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam yang berhijrah itu⁽³⁾), mereka itulah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka mendapat keampunan dan kurniaan yang mulia.
- 75.** Dan orang yang beriman selepas itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka mereka adalah daripada golongan kamu. Dalam pada itu, orang yang mempunyai pertalian kerabat, sebahagiannya lebih berhak atas sebahagian yang (lain)⁽⁴⁾ menurut Kitab Allah⁽⁵⁾. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan setiap sesuatu.

إِلَّا نَفْعَلُوْهُ تَكُنْ فِتْنَةً فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ

كَبِيرٌ

وَالَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوْهَا حَاجُّهُوْ وَجَهَدُوْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَالَّذِينَ إِمَّا أَوْتَوْ نَصْرًا فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُوْمِنُوْنَ
حَقًا لَّهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرَزْقٌ كَبِيرٌ

٧٤

وَالَّذِينَ إِمَّا مُؤْمِنُوْمِنُ بَعْدُ وَهَا حَاجُّهُوْ وَجَهَدُوْ
مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولَئِكُوْمُ الْأَحَمَارُ
بَعْضُهُمُ أَوْلَى بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
يُكْلِلُ شَيْءٍ عَلَيْمٌ

٧٥

1 Ialah keharusan adanya persaudaraan yang teguh antara kaum muslimin.

2 Penduduk asal Madinah.

3 Orang Muhajirin.

4 Yang menjadi asas waris-mewarisi dalam Islam ialah hubungan kerabat, bukan hanya hubungan persaudaraan keagamaan sebagaimana yang terjadi antara Muhajirin dan Ansar pada permulaan Islam.

5 Al- Quran.